

16 JAN 1998

Camdessus-Mahathir

PENGARAH URUSAN IMF PUJI LANGKAH-LANGKAH EKONOMI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus berkata langkah-langkah yang diambil Malaysia untuk mengatasi masalah ekonominya "setakat ini adalah yang cukup baik".

Katanya kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah itu sesuai dengan masanya.

"Saya memberitahu Perdana Menteri akan penghargaan saya mengenai pengambilan langkah-langkah itu...ia dilakukan kena dengan masanya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Camdessus tiba di sini semalam untuk lawatan dua hari. Beliau mengadakan kunjungan ke beberapa negara Asia termasuk Korea Selatan dalam usaha mengurangkan krisis ekonomi yang dihadapi rantau ini.

Camdessus berkata beliau menghargai dan menyambut baik langkah-langkah jimat-cermat kerajaan seperti yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 5 Dis tahun lepas.

Langkah-langkah itu termasuk potongan 18 peratus perbelanjaan kerajaan, mengurangkan pertumbuhan ekonomi dari tujuh peratus kepada empat dan lima peratus, mengawal pertumbuhan kredit dan memastikan pinjaman hanya bagi sektor produktif.

Camdessus berkata langkah-langkah itu sememangnya diperlukan dan dilakukan kena pada masanya.

"Kami telah mengulas mengenai prospektif negara ini (Malaysia) dan cara untuk membantunya pulih daripada kemerosotan sekarang dan untuk mengukuhkannya cukup bagi membolehkan ia mempunyai pertumbuhan yang mapan bagi memenuhi hasrat Perdana Menteri Dr Mahathir untuk negaranya," katanya.

Pengarah Urusan IMF itu berharap Malaysia boleh dengan sendirinya menangani krisis ekonominya tanpa perlu meminta bantuan utama antarabangsa.

Ditanya mengenai kenyataannya di Singapura baru-baru ini bahawa dasar Malaysia tidak begitu betul dalam menangani masalah ekonominya, Camdessus berkata beliau akan menjelaskan perkara itu semasa persidangan berita yang dijadualkan pada pukul 4 petang ini.

"Dan saya akan bersedia memberitahu kamu mengenai perkara itu, bahawa ya, saya memang bimbang sedikit. Jika saya tidak mengambil berat tentang Malaysia ini akan merupakan satu-satunya negara di dunia yang saya tidak tunjukkan atau memberi kurang perhatian yang sepatutnya tidak berlaku terhadap Malaysia," katanya.

Pengarah Urusan IMF itu juga berkata beliau memberitahu Dr Mahathir mengenai tanggapan, kebimbangan dan harapannya mengenai perkembangan krisis kewangan di rantau ini yang mempunyai kesan langsung terhadap Malaysia.

Katanya beliau menerangkan kepada Dr Mahathir mengenai perkembangan terbaru di Indonesia yang dianggapnya mempunyai harapan cerah.

Beliau memuji kepimpinan dan wawasan yang ditunjukkan Presiden Indonesia Suharto dalam mengambil langkah-langkah seperti yang diumumkan di Jakarta semalam.

Camdessus dan Suharto menandatangani satu memorandum mengenai pencepatan pembaharuan-pembaharuan untuk menangani kegawatan kewangan Indonesia semasa lawatan pengarah urusan IMF itu ke Jakarta semalam.

Memorandum itu menyatakan langkah-langkah baru yang harus diambil Indonesia di bawah pakej bantuan US\$43 bilion yang dipersetujui dengan IMF Oktober lepas.

Camdessus berkata perbincangannya dengan Perdana Menteri yang dianggapnya sebagai kawan baik, adalah memuaskan.

"Kami membicarakan beberapa isu penting...sebagai kawan baik, kami boleh berterus-terang antara satu sama lain," katanya.

Camdessus kemudian mengadakan perbincangan dengan para pegawai Bank Negara. Beliau akan berlepas ke Singapura lewat hari ini. -- BERNAMA

ES RON